Publication: Sinar Harian (Bisnes, pg. 48)

Date: 13<sup>th</sup> June 2018

Headline: The Curve Celebrates With Senior Citizens



## The Curve rai warga emas

SERAMAI 25 penghuni Rumah Amal Limpahan Kasih, Puchong dan penjaga mereka diraikan dalam Majlis Amal Berbuka Puasa tahunan the Curve.

Pengurus Besar the Curve, Jazmi Kamarudin berkata, majlis tersebut merupakan tanggungjawab untuk berkongsi rezeki dengan insan yang kurang bernasib baik.

"Majlis Amal Berbuka Puasa tahunan amat penting bagi kami kerana inilah waktunya kami berpeluang beramah mesra dan berkongsi rezeki dengan tetamu istimewa kami," katanya,

Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran selebriti tempatan iaitu Bienda dan Lah Ahmad serta persembahan tarian musical hebat bertajuk Senandung Syawal Dance Musical Show.

Dalam pada itu, bertemakan

Senandung Syawal, kempen Hari Raya di the Curve akan berlangsung selama sebulan dari 18 Mei ke 17 Jun 2018 dengan mempamerkan konsep nostalgia berinspirasikan pulang ke kampung halaman dengan menaiki keretapi.

"Selain itu, para pengunjungyang berbelanja dengan nilai minimum RM200 dalam maksimum dua resit (RM150 untuk pengguna Presto), membolehkan mereka menebus Paket 'Salam Restu Raya' yang eksklusif.

"Bagi pelanggan yang berbelanja dengan belian minimum RM480 dalam maksimum dua resit (RM430 untuk pengguna Presto) pula berpeluang membawa hadiah sebuah set Bantal-Selimut 2-dalam-1 'Snugg Raya'. Kesemua penebusan tertakluk pada terma dan syarat serta sementara stok masih ada.



Seramai 25 penghuni Rumah Amal Limpahan Kasih, Puchong dan penjaga mereka diraikan dalam Majlis Amal Berbuka Puasa tahunan the Curve.